

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimana latihan industri mahasiswa semasa pandemik. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sangat prihatin akan situasi dan kekangan yang dihadapi oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), pelajar dan pihak industri sepanjang tempoh pandemik COVID-19 khususnya dalam menjayakan program Latihan Industri. Oleh itu, KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah memberikan fleksibiliti kepada PPT untuk mempertimbangkan penggantian Latihan Industri kepada kaedah alternatif yang bersesuaian seperti ***industry-based project, problem-based project, topical study*** atau ***research project***. Dalam hubungan ini, PPT boleh mempertimbangkan sama ada untuk menggantikan Latihan Industri dengan kaedah alternatif secara sepenuhnya atau sebagai pelengkap kepada Latihan Industri yang terpaksa dihentikan.

Bagi PPT yang mempunyai program dalam dua mod berbeza, iaitu kerja kursus dan industri seperti 2u2i atau Pembelajaran Berasaskan Kerja (*Work Based Learning, WBL*), mereka boleh mempertimbangkan untuk menukarkan program mod industri kepada mod kerja kursus. Fleksibiliti penggantian Latihan Industri kepada kaedah alternatif yang bersesuaian ini perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh PPT agar objektif utama pembelajaran tercapai dan pelajar mendapat pendedahan kepada elemen industri yang diperlukan sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan. Selain itu, fleksibiliti yang diberikan ini juga adalah tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, panduan berkaitan pelaksanaan Latihan Industri dalam tempoh pandemik turut diperincikan dalam beberapa siri *Advisory Note* MQA yang dikeluarkan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac 2020. Panduan ini boleh diakses di portal MQA (www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.